

FARM NITE 10' (MAJLIS MAKAN MALAM SPL 2010)
TEKS UCAPAN YANG BERBAHAGIA
BRIG. JENERAL PROF. DATUK SERI PANGLIMA
DR. KAMARUZAMAN HAJI AMPON
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
AHAD, 04 APRIL 2010
NEXUS RESORT &SPA, KARAMBUNAI

Bismillahirrahmaanirrahiim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1 Malaysia

Pegawai-pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah,

Yang Berusaha,

Prof. Dr. Ridzwan bin Abdul Rahman,

Dekan Sekolah Pertanian Lestari;

Dr. Susan Benedick, Timbalan Dekan Akademik & Antarabangsa SPL;

Prof. Madya Dr. Markus Atong, Timbalan Dekan Penyelidikan & Inovasi SPL;

Cik Dayangku Rozlina Datuk Pg. Aliuddin,

Penasihat Program *Farm Nite 10'*;

Para pensyarah dan kakitangan UMS

Barisan kepimpinan Persatuan Mahasiswa Sekolah Pertanian Lestari Sesi 09/10,

Mahasiswa mahasiswi dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan berkumpul bersama-sama pada malam ini sempena Majlis Makan Malam Sekolah Pertanian Lestari yang juga sinonim dengan nama *Farm Night 10'* ini.

Syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur yang bertungkus-lumus berusaha untuk memastikan majlis ini berlangsung dengan jayanya. Saya difahamkan bahawa AJK pelaksana adalah terdiri daripada pelajar-pelajar di sekolah ini. Sememangnya inisiatif seperti inilah yang kita inginkan daripada para mahasiswa kita. Selain mendorong mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif, program seperti ini juga secara tidak langsung menyediakan pendedahan dan pengalaman sekaligus meningkatkan kemahiran insaniah untuk bekalan dalam menempuhi dunia pekerjaan kelak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sesungguhnya integrasi antara mahasiswa itu penting jika kita mempunyai keinginan untuk mencapai kecemerlangan. Pepatah melayu ada menyatakan 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Begitu jugalah umpamanya kita dalam universiti ini, marilah kita meneruskan hubungan erat sesama kita tidak kira antara pelajar dengan pelajar mahupun sesama kakitangan dan pelajar. Saya percaya Majlis Makan Malam Farm Night ini mampu untuk meneruskan jalinan kerjasama dan mengeratkan silaturahim selain memupuk semangat perpaduan dikalangan para pelajar dan seluruh seluruh warga Universiti Malaysia Sabah khususnya di Sekolah Pertanian Lestari ini.

Pada tahun ini akan menyaksikan pelajar pertama Sekolah Pertanian Lestari yang berada di hadapan saya pada malam ini akan secara rasmi bergelar graduan Universiti Malaysia Sabah. Mahasiswa mahasiswi yang juga merupakan pelajar perintis sekolah ini hampir menamatkan empat tahun tempoh pengajian dan Insya-Allah akan berada di Pentas Dewan Canselor pada Majlis Konvokeyen UMS yang ke-12 nanti. Kami di pihak universiti sangat berbangga dengan pencapaian anda dan sentiasa mendoakan agar anda akan terus mencapai kejayaan apabila berada di luar sana nanti. Bagi yang masih jauh perjalanannya pula, diharapkan mahasiswa mahasiswi sekalian akan sentiasa menanam azam untuk terus cemerlang sekaligus menjadi modal insan kelas pertama khususnya dalam bidang pertanian.

Pada era ini, tidak dinafikan sememangnya bidang pertanian antara sumber ekonomi terpenting di negara ini. Selain bagi menampung keperluan masyarakat

tempatan ia juga menjadi sumber pendapatan negara melalui pengeksportan beberapa hasil pertanian ke luar negara. Malahan kita juga masih boleh menarik nafas lega tatkala beberapa negara lain mengalami kekurangan bekalan makanan akibat beberapa isu yang melanda dunia global. Antaranya, krisis makanan sedunia, peningkatan harga makanan, peningkatan kos pengeluaran hasil pertanian dan sebagainya. Sesungguhnya pihak Universiti Malaysia Sabah sangat berbangga kerana mahasiswa/i dari Sekolah Pertanian Lestari inilah yang bakal menyahut cabaran negara dalam membangunkan serta memajukan lagi aktiviti sektor pertanian.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Saya yakin dengan semangat dan minat yang ditonjolkan oleh mahasiswa mahasiswi kita di SPL ini, UMS mampu menghasilkan graduan yang berdaya saing bukan sahaja di peringkat negara malah di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, saya berharap kepada semua mahasiswa untuk menetapkan wawasan anda sekalian untuk terus meningkatkan pengetahuan dan pencapaian demi kesejahteraan sejagat.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis makan malam *Farm Nite 10'* Sekolah Pertanian Lestari. Semoga Sekolah Pertanian Lestari terus maju dan cemerlang.

Dengan lafaz suci Bismillahirrahmaanirahim saya merasmikan Program *Farm Nite 10'* SPL Universiti Malaysia Sabah.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.